

PERBANDINGAN KAEDAH PELAKSANAAN PEGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN SEMPENA WABAK COVID-19

PERKARA	MQA	EAC	ETAC	MBOT	LAM
PROJEK TAHUN AKHIR	Tidak dinyatakan	PSM 2 yang melibatkan eksperimen perlu dilaksanakan dengan memberikan tambahan minggu untuk menyiapkannya.	PSM 2 yang melibatkan eksperimen perlu dilaksanakan dengan memberikan tambahan minggu untuk menyiapkannya.	Tidak dinyatakan dengan terperinci	Semua kursus rekabentuk (design courses) perlulah dipandu oleh peruntukan standard.
LATIHAN INDUSTRI	PPT boleh mempertimbangkan bahawa pelajar yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% hingga 80% daripada tempoh latihan industri untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak.	Perlu menyambung latihan industri mengikut baki yang tertinggal pada semester tersebut.	Perlu menyambung latihan industri mengikut baki yang tertinggal pada semester tersebut.	Tidak dinyatakan dengan terperinci	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjalankan Latihan Praktikal untuk suatu tempoh yang munasabah dan termampu ii. Mengarahkan pelajar menyediakan kertas kajian atau 'kajian topikal' bagi menggantikan Latihan Praktikal iii. Menjalani Latihan Praktikal menerusi mod bekerja dari rumah. iv. Menggabungkan dua daripada kaedah yang dinyatakan.
UJIKAJI MAKMAL / STUDIO	Tidak dinyatakan	Perlu diganti selepas selesai PKP. Disarankan juga menggunakan kaedah e-lab atau ujikaji berasaskan simulasi.	Perlu diganti selepas selesai PKP. Disarankan juga menggunakan kaedah e-lab atau ujikaji berasaskan simulasi.	Tidak dinyatakan dengan terperinci	Menggantikan secara sementara kepada studio rekabentuk dalam bentuk atas talian (online) atau studio maya (virtual studio).
PROJEK REKABENTUK BERSEPADU	Tidak berkaitan	Skop projek dianggap selesai sesudah menyiapkan prototaip. Simulasi dan pebentangan terhadap masalah rekabentuk kritikal boleh diterima.	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
PROJEK REKABENTUK	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Bagi projek rekabentuk diploma dan ijazah sarjana muda, ianya tertakluk kepada kriteria yang dinyatakan di dalam standard.	Tidak dinyatakan dengan terperinci	Perlu melaksanakan sekurang-kurang sekali penilaian akhir pada penghujung projek utama dan dibuat menerusi atas talian.
PEPERIKSAAN AKHIR	Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti take-home-exam, open-book-exam, peperiksaan secara online, tugasan akhir dan sebagainya	Boleh menggunakan apa-apa instrument penilaian termasuklah atas talian.	Boleh menggunakan apa-apa instrument penilaian termasuklah atas talian.	Tidak dinyatakan dengan terperinci	Semua kursus bukan-rekabentuk (non-design courses) boleh menggantikan dengan kaedah penilaian lain seperti peperiksaan atas talian dari rumah, peperiksaan di rumah.